

BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 04 : JULAI & OGOS 2023



MAJLIS KALUNGAN SEMULA PINGAT SUKAN SEA KEMBOJA 2023

BATU PAHAT : Telah berlangsung Majlis Kalungan Semula Pingat Sukan SEA Kemboja 2023 dan Penyerahan Insentif Kecemerlangan Sukan kepada Saudara Mirza Adli bin Shaharaziz (PPD), yang disempurnakan oleh YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM bertempat di Ruang Menunggu, Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA).

Majlis anjuran Pusat Sukan Universiti ini turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), YBrs. Dr. Muhammad Faizal bin Ismail, Timbalan Dekan Akademik Pusat Pengajian Diploma serta YBrs. Dr. Azli bin Puddin, Pengarah Pusat Sukan Universiti.

Sejumlah RM2,200 wang insentif telah disampaikan kepada Saudara Mirza Adli yang telah berjaya menyumbangkan 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa pada temasya sukan tersebut.

3 JULAI 2023

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN UTHM 2022



BATU PAHAT : Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan UTHM 2022 telah berlangsung dengan penuh gemilang pada 4 Julai 2023 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), UTHM.

Senarai Penerima Anugerah Sukan UTHM 2022:

1. Anugerah Olahragawan : Saudara Putra Syaid Hidayatullah bin Ramli (Silat)
2. Anugerah Olahragawati : Saudari Nur Adilah binti Mohamad Zamri (Silat)
3. Anugerah Bintang Harapan Lelaki : Saudara Mirza Adli bin Shahraraziz (Kayak)
4. Anugerah Bintang Harapan Wanita : Saudari Nurkiasah binti Zaenuddin (Kayak)
5. Anugerah Pasukan Individu Lelaki Terbaik : Pasukan Mendayung
6. Anugerah Pasukan Individu Wanita Terbaik : Pasukan Mendayung
7. Anugerah Pasukan Individu Lelaki Terbaik : Pasukan Mendayung
8. Anugerah Pasukan Individu Wanita Terbaik : Pasukan Mendayung
9. Anugerah Program Sukan Terbaik : Kejohanan Sepak Takraw UTHM 2022 "Tigers Cup"
10. Anugerah Pengurus Berpasukan Lelaki Terbaik : Saudara Mohamad Salman Hai bin Abu Kasim (Sepak Takraw)
11. Anugerah Pengurus Berpasukan Wanita Terbaik : Saudari Stefi binti Zamsari (Bola Jaring)
12. Anugerah Jurulatih Pasukan Individu Lelaki Terbaik : En. Mohd Aizat bin Md Zaini (Mendayung)
13. Anugerah Jurulatih Pasukan Individu Wanita Terbaik : En. Mohd Aizat bin Md Zaini (Mendayung)
14. Anugerah Jurulatih Pasukan Berpasukan Lelaki : En. Abdul Halim bin Kamaluddin (Sepak Takraw)
15. Anugerah Jurulatih Pasukan Berpasukan Wanita : Ts. Dr. Mohd Hilmi Izwan bin Abd Rahim (Bola Jaring)
16. Anugerah Khas Pusat Sukan Universiti :
 - Majlis Sukan Negeri Johor
 - Persatuan Menembak Johor

Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Semoga majlis ini akan menjadi pendorong kepada para atlet untuk mencapai tahap prestasi yang lebih cemerlang dan gemilang di masa akan datang.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA PASUKAN MENDAYUNG KE 2ND ASEAN-CHINA STUDENT ROWING COMPETITION 2023



BATU PAHAT : Telah berlangsung Majlis Penyerahan Bendera Pasukan Mendayung ke 2nd ASEAN-China Student Rowing Competition 2023 oleh YBhg Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bertempat di Ruang Legar PTTA, UTHM.

Penyertaan julung kali Pasukan Mendayung UTHM dalam 2nd ASEAN-China Student Rowing Competition 2023 adalah merupakan satu penghormatan sebagai mewakili salah satu pasukan mendayung universiti di rantau Asia Tenggara yang menerima jemputan daripada pihak Universiti Tianjin, China

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Prof. Madya Muhammad Ramlee bin Kamarudin, Pengarah Pejabat Antarabangsa, En. Jasnizam bin Sami, Pegawai Belia dan Sukan Kanan, para pegawai Pusat Sukan Universiti serta atlet mendayung UTHM. Semoga maju jaya buat Pasukan Mendayung UTHM.

18 JULAI 2023

2 ATLET SILAT UTHM TERIMA ANUGERAH DI MAJLIS ANUGERAH SUKAN MASUM 2022



PUTRAJAYA : Tahniat diucapkan kepada dua orang atlet silat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) apabila dianugerahkan sebagai Atlet Terbaik Universiti pada Majlis Anugerah Sukan MASUM 2022 yang telah berlangsung di Dewan Za'aba, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya. Penerima Atlet Terbaik Universiti (Wanita) dianugerahkan kepada Atlet silat UTHM, Nur Adilah binti Mohamad Zamri sementara penerima Atlet Terbaik (Lelaki) juga dianugerahkan kepada atlet silat UTHM, Putra Syaid Hidayatullah bin Ramli yang diwakili oleh pegawai Pusat Sukan Universiti UTHM, En. Akhmal Nur Azim bin Ahmad Nasri.

Pemilihan mereka sebagai penerima anugerah pada majlis tersebut adalah berdasarkan pencapaian dan penyertaan mereka pada kejohanan peringkat antarabangsa sebelum ini di ASEAN University Games (AUG) 2022-Thailand selain penyertaan kejohanan domestik peringkat IPT dan kebangsaan.

Majlis gilang gemilang itu telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato Seri Mohamed Khalid Bin Nordin. Semoga penganugerahan ini dapat merancang semangat Atlet UTHM untuk terus mengharumkan nama universiti dalam arena sukan tanah air.

20 JULAI 2023

PENDAYUNG UTHM BARRACUDA MENDOMINASI DI TANAH BESAR CHINA



TIANJIN, CHINA : Penyertaan julung kali Pasukan Mendayung UTHM dalam 2nd ASEAN-China Student Rowing Competition 2023 adalah merupakan satu penghormatan sebagai mewakili salah satu pasukan mendayung universiti di rantau Asia Tenggara yang menerima jemputan daripada pihak Universiti Tianjin, China.

Penyertaan tersebut sekaligus telah memecah dominasi 8 penyertaan universiti daripada China dan ASEAN menerusi keempat-empat acara yang ditawarkan dan disertai oleh Pasukan UTHM apabila memenangi 2 Emas menerusi acara Men Eight (M8+) dan Women Quadruple (W4x) dan 2 Perak menerusi Men Quadruple (M4x) dan Mixed Relay Ergometer. Dominasi tersebut telah menjadikan Pasukan UTHM Barracuda memenangi Juara Keseluruhan dengan 48 mata mendahului 8 pasukan yang lain.

22 JULAI 2023

JOHOR ESPORTS FESTIVAL 2023



BATU PAHAT : Tahniah diucapkan kepada Saudara Muhammad Aliff Iqmal bin Mohd Faizal daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik kerana telah berjaya memperoleh tempat keempat menerusi acara FIFA 23 di Johor Esports Festival 2023 yang telah berlangsung di Batu Pahat Mall pada 21-22 Julai 2023.

Pasukan Esports UTHM juga telah menghantar dua lagi pasukan menerusi acara PUBG Mobile dan Mobile Legends. Berikut adalah keputusan di Johor Esports Festival 2023 :

1. FIFA 23 : Tempat keempat
2. PUBG Mobile : Tempat keempat (Showmatch)
3. Mobile Legend : Suku Akhir

22 JULAI 2023

PROGRAM SEMARAK SISWA MADANI BERSAMA KOMUNITI DUN PALONG



PALONG, NEGERI SEMBILAN : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina telah menganjurkan Program Semarak Siswa Madani yang diadakan di Felda Palong 8, Negeri Sembilan pada 22-23 Julai 2023 yang dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail dan wakil komuniti Dun Palong.

Pelbagai aktiviti yang menarik berlangsung sepanjang program iaitu Kejohanan Futsal, Klinik Badminton, Senamrobik dan Pengkomposan Sisa Pepejal Makanan.

Program ini telah mendapat sambutan meriah dari komuniti di Dun Palong. Semoga program ini dapat menguatkan ukhuwah antara UTHM dan komuniti di Dun Palong.

22-23 JULAI 2023

PERTANDINGAN BADMINTON MAKSAK JOHOR 2023



KULAI, JOHOR : Tahniah diucapkan kepada En. Akhmal Nur Azim bin Ahmad Nasli daripada Pusat Sukan Universiti kerana telah berjaya dinobatkan sebagai Naib Johan Perseorangan Lelaki Open manakala En. Iszuwan bin Azhar daripada Pusat Perumahan Pelajar juga telah dinobatkan sebagai Naib Johan Beregu Lelaki Open di Pertandingan Badminton MAKSIAK Johor 2023 pada 29 Julai 2023 bertempat di Sport City Indahpura, Kulai Johor. Berikut adalah keputusan penuh kejohanan tersebut :

PERSEORANGAN WANITA OPEN

- * Johan - Siti Farhanah Nabila bt Norhisham
- * N. Johan - Wan Roszazilah bt Megat Abd Rahim
- * 3rd - Nur Amalina bt Holidi
- * 3rd - Zuraida bt Mohamed

PERSEORANGAN LELAKI OPEN

- * Johan - Muhammad Ziyad bin Md Tah
- * **N. Johan - Akhmal Nur Azim bin Ahmad Nasli**
- * 3rd - Muhamad Rizal bin Misnan
- * 3rd - Muhammad Lokman Hakim bin Mohd Razali

BEREGU LELAKI OPEN

- * Johan (Mohd Fakhur Shah bin Misnon + Mohamad Hazrul bin Abd Rahman)
- * **N. Johan (Syed Haniff bin Syed Mustafa + Iszuwan bin Azhar)**
- * 3rd (Azlan bin Bachok + Mohd Norhelmi Khusaini bin Selamat)
- * 3rd (Mohammad Hafizhamzi bin Zaidi + Syukur bin Abd Kadir)

BEREGU CAMPURAN

- * Johan (Muhammad Zula'tif bin Ahmad Juroyo + Hamisyah bt Hashudin)
- * N. Johan (Mohd Dahniyal Yunasri + Jasmine Sia)
- * 3rd (Deng Xiao Xian + Ching Zhi Hang)
- * 3rd (Noor Hafizah bt Hasri + Abdul Latif bin Derahman)

BEREGU LELAKI VETERAN

- * Johan (Sazali bin Suratman + Syed Hussin bin Syed Mustafa)
- * N. Johan (Karim bin Yakub + Abd Manap bin Abd Hamid)
- * 3rd (Fadzil bin Yahya + Farid Zamri bin Abdullah)
- * 3rd (Muhammad Fauzee bin Hamdan + Johari bin Abdul Jalil)

30 JULAI 2023

PASUKAN SEPAK TAKRAW STAF UTHM MENJUARAI SUKAN BANGSA JOHOR DUN PT YAANI

BATU PAHAT : Tahniah diucapkan kepada Pasukan Sepak Takraw UTHM (Staf) yang telah dinobatkan sebagai JUARA, Sukan Bangsa Johor Dun Pt. Yaani dan Pt. Raja bertempat di Dewan Balai Raya Kg. Pt. Hj. Salleh Jalan Panchor, Baru Pahat.

Kejayaan ini merupakan hasil kerja keras pasukan selama menjalani latihan sepanjang 2 minggu yang lalu. Semoga dengan kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pasukan dan mengharumkan nama UTHM dipersada sukan kebangsaan dan antarabangsa.

Senarai Pemain Pasukan Sepak Takraw UTHM (Staf)

1. Abd Halim bin Kamaludin (Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar)
2. Mohd Hazrin bin Abd Rahman (Pusat Sukan Universiti)
3. Mohd Sufian bin MD Noor (Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum)
4. Mohd Shahril bin Abdullah Sani (Kolej Kediaman Dalam Kampus Parit Raja, Pusat Perumahan Pelajar)

6 OGOS 2023



SLOT MOTIVASI KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 2023

BATU PAHAT : "Semangat Terpatry, Kejayaan Menanti! Slot motivasi yang diberikan oleh En. Syahirul Nizam bin Lukman, Pegawai Psikologi Kanan dan En. Muhammad Khairullah Bin Mohd Shaari, Pegawai Psikologi (Pusat Kaunseling Universiti) telah memberi warna baru kepada perjalanan atlet-atlet UTHM menuju Karnival Sukan MASUM Fasa 1 2023.

Mereka telah mewartakan kisah inspirasi yang menggetarkan jiwa, membangkitkan tekad, dan mengingatkan kita bahawa setiap rintangan adalah peluang untuk muncul sebagai juara sejati. Bersama-sama, kita akan merealisasikan impian, mempertahankan semangat, dan menjadikan UTHM bangga di pentas kejuaraan ini!



13 OGOS 2023

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 2023 DAN LIGA FUTSAL IPT FASA 2023



BATU PAHAT : Semarak semangat sukan menyelubungi Dewan Aktiviti Kolej Kediaman Tun Dr Ismail. Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Karnival Sukan MASUM Fasa 1 2023 dan Liga Futsal IPT Fasa II 2023 kepada para atlet hebat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Momen ini dipenuhi dengan semangat dan kebanggaan, mewakili semangat juang yang membakar setiap atlet. YBhg. Prof Sr. Ts. Dr. Hj Lokman Hakim bin Haji Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, hadir sebagai pencerahan utama, memberi inspirasi kepada para atlet dalam perjalanan mereka untuk menggapai kejayaan sekaligus menyempurkan penyerahan bendera kepada setiap kontinjen.

Sukan bukanlah sekadar tentang pertandingan, tetapi juga tentang tekad, kebersamaan, dan semangat untuk mencapai prestasi cemerlang. Dalam kata-kata yang bersemangat, YBhg. Prof Sr. Ts. Dr. Hj Lokman Hakim menggambarkan pentingnya semangat sukan dalam membentuk individu yang berdaya saing, berintegriti, dan berdisiplin. Setiap atlet UTHM menerima bendera dengan harapan dan tanggungjawab besar untuk mewakili institusi mereka dengan kemuliaan.

Mari kita merentas masa dengan semangat kecemerlangan dan keberanian. Pada setiap pertandingan, setiap sentuhan bola, dan setiap langkah di atas medan, para atlet UTHM membawa nama institusi dengan kemuliaan. Pantau perkembangan mereka dan sertai kami dalam memberi sokongan yang tidak terbatas!

13 OGOS 2023

PASUKAN MENDAKI UTHM BERJAYA MERAHAI TEMPAT DI PERLIS

KANGAR, PERLIS : Tahniah diucapkan kepada Atlet Mendaki(CRUXS) UTHM, Mohamed Farhan Muizudin Bin Razali (FKEE) Dan Scanly Wong Tze Hau Kategori (Novice Men Team) mendapat keputusan Ketiga dan MOHAMAD FARHAN MUIZZUDIN BIN RAZALI(FKEE) mendapat tempat Keempat Dalam Kategori (Individual Men) yang telah menyertai Kejohanan THE NORTH WALL 2.0 2nd Edition Of Bukit Keteri Rock Climbing Competition 2023 yang telah berlangsung di Bukit Keteri,Kangar Perlis dari 18 hingga 20 Ogos 2023.



Novice Men Team

3.SCANLY WONG TZE HAU & MOHAMAD FARHAN MUIZZUDIN BIN RAZALI

Individual Men

4. MOHAMAD FARHAN MUIZZUDIN BIN RAZALI

20 OGOS 2023

PASUKAN FUTSAL LELAKI UTHM BERAKSI CEMERLANG DI LIGA SUPER FUTSAL IPT FASA 2



UNITEN, SELANGOR : Pasukan Futsal UTHM telah menamatkan Liga Super Futsal IPT Fasa 2 di kedudukan tempat ke 4 dengan 16 mata. Liga Super Futsal IPT Fasa 2 telah berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 14 hingga 20 Ogos 2023. Baki 9 perlawanan akan disambung semula bertempat di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada September 2023

20 OGOS 2023

1 PERAK DAN 1 GANGSA DI KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 2023

USIM, NEGERI SEMBILAN : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menduduki tempat ke 15 daripada 20 universiti bertanding dalam Karnival Sukan MASUM Fasa 1 2023 yang telah berlangsung pada 15 hingga 20 Ogos 2023 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia. Kontinjen UTHM berjaya membawa pulang 1 Pingat Perak menerusi acara Lawn Bowls Women Single (Sdr. Nurul Atiqah binti Ridhwan (FKMP) dan 1 Pingat Gangsa menerusi acara 10m Air Pistol Men (Sdr. Muhammad Hudzriy bin Jaslan (FKAAB). Untuk makluman, Karnival Sukan MASUM Fasa 2 2023 akan berlangsung pada 23 hingga 30 Ogos 2023 bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

20 OGOS 2023

STATISTIK PUNGGUTAN PINGAT KESELURUHAN
KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 2023
15 OGOS - 20 OGOS 2023

Bil.	Universiti	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
1	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	19	19	16	54
2	Universiti Putra Malaysia (UPM)	14	10	10	34
3	Universiti Malaya (UM)	11	3	5	19
4	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	7	8	6	21
5	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	4	5	8	17
6	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	2	4	2	8
7	Universiti Malaysia Pahang Sultan Abdullah (UMPSA)	1	1	3	5
8	Universiti Utara Malaysia (UUM)	1	1	0	2
9	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	1	0	2	3
10	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	1	0	1	2
11	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	0	3	6	9
12	Universiti Sains Malaysia (USM)	0	2	9	11
13	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	0	2	3	5
14	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	0	1	2	3
15	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	0	1	1	2
16	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	0	1	1	2
17	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	0	0	4	4
18	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	0	0	1	1
19	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	0	0	0	0
20	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	0	0	0	0
Jumlah		61	61	80	202

Update 20 AUGUST 2023 5:30pm



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 2 2023

BATU PAHAT : Telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Karnival Sukan MASUM Fasa 2 2023 bertempat di Dewan Aktiviti Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail. Majlis telah dirasmikan oleh Dr. Azli bin Puddin, Pengarah Pusat Sukan Universiti. Kontinjen UTHM akan menghantar empat pasukan iaitu Hoki Lelaki, Petanque Lelaki & Wanita, Silat Lelaki & Wanita dan Karate Lelaki.

Kontinjen UTHM juga akan berangkat ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 23 Ogos 2023. Bersama-sama kita kekal teguh, menyatukan tenaga dan semangat untuk meraih kejayaan gemilang. Mari tunjukkan kebolehan dan semangat pemenang dalam setiap cabaran yang menanti

22 OGOS 2023



UTHM BARRACUDA BERJAYA MENGGUNGGULI KEDUDUKAN TERATAS PENANG ROWING INTERNATIONAL INDOOR CHAMPIONSHIPS 2023 DI PULAU PINANG

PULAU PINANG : Tahniah diucapkan kepada Pasukan Mendayung UTHM kerana telah mendominasi ranking 2 teratas bagi kategori masing-masing. Secara automatik ia melayakkan UTHM Barracuda dinobatkan sebagai juara keseluruhan kejohanan. Berikut adalah keputusan bagi atlet mendayung UTHM yang telah mewakili UTHM untuk menyertai Penang Rowing International Indoor Championships 2023.

Kutipan Pingat Keseluruhan UTHM

13 Emas
8 Perak
0 Gangsa

Men Open Lightweight 2000m

Emas
Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok (FPTP)

Men U23 2000m

Emas
Mohamad Alimin Bin Mohd Pauzi (FKEE)

Men U23 Lightweight 2000m

Emas
Chin Chin San (FTK)
Perak
Sheikh Ahmad Safwan Bin Shaikh Sabri (FKMP)

Men U19 2000m

Perak
Muhammad Hafiz bin Abd Razak (PPD)

Men Double Open 2000m

Perak
Muhammad Haziq Nazmi Badruzaman (FAST) &
Muhammad Hafizuddin Mohd Hanizam (FTK)

Men Double Open Lightweight 2000m

Emas
Ryan Sim Zhang Yie (FTK) & Chan Yu Xuan (FKEE)

Men U23 Lightweight 500m

Emas
Mohamad Alimin Bin Mohd Pauzi (FKEE)
Perak
Chan Yu Xuan (FKEE)

Men Open Lightweight 500m

Emas
Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok (FPTP)

Men 30-39 500m

Perak
Mohd Zulfadli Bin Rozali (FPTV Staff)

Men U23 4x500m


Emas
Mohamad Alimin Bin Mohd Pauzi (FKEE)
Chan Yu Xuan (FKEE)
Muhammad Nur Iman bin Mohamad Yusof (FTK)
Ryan Sim Zhang Yie (FTK)

Men Open 4x500m

Emas
Mohd Zulfadli Bin Rozali (FPTV Staff)
Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok (FPTP)
Mohd Aizat Bin Md. Zaini (UTHM Rowing Coach)
Muhamed Ridhwan bin Yaacob (UTHM Rowing Coach)

23 OGOS 2023

LENSA PEMENANG ROWING INTERNATIONAL INDOOR CHAMPIONSHIPS 2023



23 OGOS 2023

1 PERAK DAN 1 GANGSA DI KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 2 2023

UTeM, MELAKA : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah menduduki tempat ke 15 daripada 20 universiti bertanding dalam Karnival Sukan MASUM Fasa 2 2023 yang telah berlangsung pada 23 hingga 30 Ogos 2023 bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kontijen UTHM berjaya membawa pulang 1 Pingat Gangsa menerusi acara Karate Kumite Individu Lelaki - 75kg, Sdr. Gohpinaathan A/L Subramaniam (FKMP) dan 1 Pingat Perak menerusi acara Petanque Double Lelaki, Sdr. Khasyfee Ihtifazhuddin Jasmee (FKEE) dan Sdr. Muhd Hanif Affandi Muhammad Hariri (FKMP).

30 OGOS 2023



STATISTIK PUNGUTAN PINGAT KESELURUHAN
KARNIVAL SUKAN MASUM FASA II 2023
23 OGOS - 30 OGOS 2023



Bil.	Universiti	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
1	Universiti Teknologi MARA (UITM)	17	8	13	38
2	Universiti Putra Malaysia (UPM)	9	3	5	17
3	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	7	5	6	18
4	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	4	7	12	23
5	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	3	2	3	8
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	2	5	6	13
7	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	2	3	3	8
8	Universiti Malaysia (UM)	2	2	4	8
9	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)	1	2	2	5
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)	1	1	5	7
11	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	1	1	1	3
12	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	0	4	1	5
13	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	0	2	5	7
14	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	0	1	3	4
15	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	0	1	1	2
16	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	0	1	0	1
17	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	0	1	0	1
18	Universiti Sains Malaysia (USM)	0	0	3	3
19	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	0	0	2	2
20	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	0	0	1	1
JUMLAH		49	49	76	174

Update 30 AUGUST 2023 12.15 pm

PROGRAM TALENT IDENTIFICATION (TID) - PUSAT SUKAN TUMPUAN SILAT KPT-UTHM



UTeM, MELAKA : 4 orang pegawai Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat KPT-UTHM terdiri daripada Pengarah Pusat Sukan Universiti UTHM Dr. Azli bin Puddin, Penyelaras PST En. Mohd Hazrin bin Abd Rahman dan Jurulatih PST En. Habizan bin Othman dan En. Dzulnizam bin Sogol telah mengadakan Program Talent Identification (TID) di Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2023 - UTeM bagi mengesan bakat-bakat baharu dikalangan atlet universiti awam untuk diserap dalam Program Pembangunan PST Silat KPT-UTHM dan di ketengahkan pada kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada masa akan datang. Semoga dengan usaha ini dapat mencapai objektif utama Dasar Pembangunan Sukan IPT (DPSIPT) iaitu melahirkan 30% atlet negara terdiri daripada atlet IPT.

30 OGOS 2023



Diterbitkan oleh :

**BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537479

Fax: 07 - 4536581